

Usul penghargaan

UM - 4 NOV 2003

KUALA LUMPUR 3 Nov. — Dewan Rakyat hari ini sebulat suara meluluskan usul merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih dari seluruh rakyat jelata kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai negarawan yang telah berjasa melonjakkan pencapaian negara ke tahap yang amat membanggakan.

Usul yang dikemukakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu diluluskan selepas disokong oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga Presiden MCA, **Datuk Seri Ong Ka Ting** serta dibahaskan oleh tujuh Ahli Parlimen termasuk daripada parti pembangkang.

Rata-rata menyanjung kepimpinan cemerlang Dr. Mahathir selama lebih 22 tahun kerana telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang bermaruah dan dipandang tinggi oleh kebanyakan negara di dunia.

Pada masa yang sama, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) menaruh keyakinan bahawa Malaysia di bawah kepimpinan Abdullah mampu meneruskan kece-

merlangan yang ditempa oleh Dr. Mahathir malah memacu kejayaan lebih gemilang.

Bagi Ka Ting, bekas Perdana Menteri telah membina keyakinan diri dalam jiwa rakyat sehingga berjaya menimbulkan perasaan bangga menjadi warga Malaysia.

Beliau berkata, masyarakat Cina sememangnya menyanjung tinggi kepimpinan Dr. Mahathir kerana beliau sentiasa prihatin dan peka kepada masalah-masalah yang dihadapi dan sudi memberi bantuan untuk menyelesaikannya dengan baik.

Menurutnya, bekas Perdana Menteri telah memberi sokongan kepada MCA dalam banyak aspek seperti Projek Pembangunan Kolej Tunku Abdul Rahman dan penubuhan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR).

"Memang tidak dapat dinafikan kejayaan Malaysia hari ini di semua bidang, sama ada ekonomi, pendidikan, politik, sains dan teknologi, industri, sukan atau bidang lain semuanya berkait rapat dengan dasar-dasar dan panduan oleh bekas Perdana Menteri.

"Beliau memang seorang pemimpin luar biasa pemikiran, kemam-

puan, kecergasan, keberanian dan ketokohan," katanya ketika menyokong usul berkenaan di sini hari ini.

Menteri Kerja Raya, **Datuk Seri S. Samy Vellu** pula berkata, Dr. Mahathir merupakan seorang wira, bukan sahaja kepada negara tetapi Dunia Ketiga.

Beliau yang juga Presiden MIC yakin dengan rekod cemerlang menyelamatkan negara daripada krisis ekonomi dan mengangkat

dilulus sebulat suara

kita aman dan makmur, baik dari segi politik mahupun ekonomi," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **Tan Sri Dr. Bernard Giluk Dompok** (BN-Kinabalu) pula melihat kejayaan terpenting Dr. Mahathir ialah menyatupadukan rakyat berbilang kaum untuk hidup sebagai satu entiti.

Menurutnya, bekas Perdana Menteri bukan sahaja mempunyai idea yang bernas untuk membangunkan negara dalam pelbagai bidang malah mempunyai inisiatif tinggi untuk menjamin perpaduan menerusi kestabilan sosial.

Ketua Menteri Sarawak, **Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib Mahmud** (BN-Kota Samarahan) menyifatkan usul penghargaan dan terima kasih terhadap bekas Perdana Menteri sebagai amat bersejarah kepada Dewan Rakyat kerana segenap lapisan masyarakat memang menghargai jasa bakti beliau.

"Sebenarnya kalau dapat difikir sedalam-dalamnya, beliau adalah Bapa Pembinaan Malaysia Moden," katanya.

raannya, Dr. Mahathir akan terus memainkan peranan sebagai pejuang Islam berdasarkan kecemerlangan yang telah ditunjukkan beliau sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **Datuk Seri Law Hieng Ding** (BN-Sarikei) berkata, Dr. Mahathir adalah anak Malaysia terbilang yang telah berjaya mengibarkan Jalur Gemilang di puncak dunia.

Menurutnya, kejayaan bekas Perdana Menteri terletak pada semangat perjuangannya yang tidak pernah luntur sehingga menjadi aspirasi rakyat.

Bagi Hieng Ding, Dr. Mahathir adalah pemimpin yang berjiwa rakyat kerana tidak pernah lupa mengingatkan ahli Kabinet supaya memperuntukkan masa berjumpa mereka untuk mengatasi masalah mereka.

Beliau menarik perhatian kepada masalah asap hitam dari bas mini yang dikemukakan sendiri oleh Dr. Mahathir kepadanya membuktikan amalan kepimpinan beliau yang berjiwa rakyat dan pengurusan secara 'hands on'.

martabat bangsa menjadi pemain global yang penting dan diiktiraf dunia, Dr. Mahathir akan terus dikenang dan dijadikan contoh oleh semua lapisan masyarakat dalam usaha mencapai pembangunan dan kemajuan untuk bangsa dan negara.

"Rakyat Malaysia harus mencontohi semangat perjuangan beliau kerana semangat inilah yang telah menjadikan negara